

07 FEB 1999

Kemboja-Rangkuman

KEMBOJA MENGHARAPKAN CUACA CERAH SELEPAS BERAKHIR KEKECOHAN POLITIK

Oleh: Abdul Muin Majid

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Pembentukan kerajaan baru campuran di Kemboja November lepas membawa bersamanya harapan bahawa negara itu akhirnya akan menuju ke arah keamanan, pembangunan dan penyusunan semula negara yang berkekalan.

Seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri Hun Sen, pada satu majlis semasa melawat Malaysia baru-baru ini, pembangunan negara dan ekonomi kini menjadi keutamaan bagi kerajaan baru negaranya.

"Semua orang mahu menjalani hidup sempurna, bebas dari kemiskinan yang disebabkan oleh perang, regim yang kejam, perpecahan di kalangan rakyat dan gangguan luar," kata beliau.

Hun Sen menggunakan peluang yang ada di Kuala Lumpur itu untuk menekankan bahawa negaranya kini sudah stabil dan menggesa pelabur-pelabur Malaysia membuat pelaburan di Kemboja.

Dalam temuramah dengan sebuah majalah serantau Disember lepas, Hun Sen memberi jaminan kerajaan barunya yang mengandungi partinya, Parti Rakyat Kemboja (CPP) dan parti Putera Norodom Ranariddh, Funcinpec, akan menamatkan tempoh pemerintahan untuk selama lima tahun.

Pada Julai 1997, Hun Sen menyingkirkan Perdana Menteri Pertama ketika itu, Putera Ranariddh, dalam rampasan kuasa, sebaik sebelum Kemboja menyertai kumpulan serantau, Asean.

Dia dipetik sebagai berkata pada temuramah itu: "Ia seperti suami isteri yang telah berbaik semula setelah beprisah. Ia kini perlu berhati-hati, sekurang-kurangnya untuk hormat menghormati satu sama lain."

Dibawah struktur kuasa baru di Phnom Penh, Ranariddh kini menjadi presiden Dewan Kebangsaan Kemboja.

Yang pastinya, rakyat Kemboja yang telah melalui kesengsaran begitu lama, tentunya mengharapkan kestabilan dan nikmat di tanah tumpah darahnya sendiri, selepas melalui peperangan dan gelora politik bertahun-tahun lamanya.

Inilah apa yang ada pada fikiran Hun Sen apabila beliau memberitahu perjumpaan yang dihadiri oleh tokoh politik dan cendekiawan di sini bahawa kerajaan Kemboja akan menumpukan rancangan pembaharuan lima tahunnya ke arah pembangunan sosial dan ekonomi, terutama dalam bidang pendidikan, kesihatan awam dan pertanian.

Sebagai pelabur luar negara nombor satu di tanah bekas jajahan Perancis itu dengan pelaburan berjumlah RM1.7 bilion tahun lepas, Malaysia mampu memainkan peranan penting membantu Kemboja yang sedang dalam proses pembangunan. Kini terdapat 70 syarikat Malaysia membuat pelaburan di Kemboja dan 30 daripadanya adalah usahasama dengan rakan-rakan di negara itu.

Pelaburan itu ialah dalam bidang pembangunan infrastruktur, penjana kuasa, pelancongan, perbankan, pembangunan harta, penapisan minyak, pendidikan dan telekomunikasi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberi jaminan bahawa penyertaan sektor awam Malaysia dalam membangunkan Kemboja akan terus menggalakkan.

Dalam lawatan tiga hari Hun Sen itu, kedua-dua negara juga menandatangani perjanjian dua hala untuk meningkatkan perdagangan yang kini berjumlah RM175.4 juga dalam 11 bulan pertama tahun lepas.

Malaysia juga bersetuju untuk mengkaji kemungkinan mengimport pengeluaran pertanian Kemboja dan juga permintaan melatih rakyat negara itu

dalam bidang industri, diplomasi, minyak, gas dan juga pertanian.

Keahlian Kemboja dalam Asean juga menjadi tumpuan apabila Hun Sen mengkritik sembilan anggota kelab serantau itu yang mahukan Kemboja menubuhkan senat sebelum boleh diterima secara rasmi sebagai anggota Asean. Malaysia adalah penyokong kuat supaya Kemboja segera diterima sebagai anggota Asean.

Sambil menyifatkan pembentukan senat yang ada sebagai masalah dalaman Kemboja, Hun Sen berkata: "Pembentukan senat itu bukan kerana mengikut kehendak Asean, tetapi untuk kepentingan rakyat Kemboja."

Beliau bercakap panjang lebar mengenai beberapa masalah yang dihadapinya dalam membawa bekas pemimpin Khmer Rouge menghadapi proses pengadilan ke atas jenayah perang yang mereka lakukan.

Hun Sen berkata beliau bimbang usaha untuk meletakkan pemimpin berkenaan ke muka pengadilan boleh menjejaskan keamanan yang baru wujud di Kemboja yang memungkinkan rakyatnya bergaduh semula.

Bagaimanapun, satu pasukan dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengandungi pakar perundangan, yang baru-baru ini melawat negaranya, sedang membuat penilaian dan mungkin membuat cadangan cara bagaimana proses perundangan ke atas pemimpin regim Khmer Rouge itu boleh dijalankan.

Semasa regim itu memerintah secara kejam pada 1975-1979, lebih dua juta rakyat Kemboja terkorban akibat menjadi buruh paksaan, dibunuh dengan kejam, di jatuhi hukuman mati dan kelaparan.

Lawatan Hun Sen adalah atas undangan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MAM ZB